

22/01/2002

KOAM serah memorandum

KESATUAN Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), semalam menyerahkan memorandum kepada pejabat Perdana Menteri, meminta campur tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap menyelesaikan kemelut membabitkan persatuan sukan tertua negara.

Setiausaha KOAM, Karim Ibrahim yang diiringi Bendahari, M Iyaru dan Ahli Majlis, S Rajasegran menghantar memorandum itu kepada seorang pegawai di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, pada jam 2 petang.

Bagaimanapun, Karim enggan memberitahu isi kandungan memorandum itu.

"Seperti mana yang diarahkan Majlis Khas KOAM, saya menyerahkan memorandum itu kepada seorang pegawai Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak dapat memberi apa-apa komen ketika ini.

"Sebarang pertanyaan membabitkan isi kandungan surat itu perlu dirujuk kepada Presiden. Tapi, Majlis Khas berharap jawapan yang diterima nanti akan memberi kesan positif kepada semua pihak," katanya selepas penyerahan memorandum itu.

Ketika mengulas tindakan KOAM itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammudin Hussein bagaimanapun menasihatkan persatuan olahraga itu menggunakan saluran sedia ada di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 bagi menyelesaikan masalah mereka tanpa membabitkan pihak lain.

Hishammuddin berkata tindakan badan induk itu menghantar memorandum kepada Perdana Menteri bagi mempertimbangkan keputusan Pesuruhjaya Sukan bukan satu tindakan yang bijak.

"Saya tidak menyebelahi mana-mana pihak, tapi berharap perkara ini diselesaikan mengikut undang-undang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Sukan Bermotor Negara 2002, semalam.

(END)